SIARAN MEDIA

PELANTIKAN TUAN HAJI AZ'HAR BIN SAMSURI SEBAGAI TIMBALAN YANG DIPERTUA MPS YANG BAHARU

Selayang, 5 Mei 2025 – Tuan Haji Az'har bin Samsuri telah dilantik sebagai Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang (MPS) yang baharu, berkuat kuasa pada 2 Mei 2025. Pelantikan ini adalah bagi menggantikan Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi yang telah dilantik sebagai Ketua Penolong Setiausaha di Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah pada 1 Mac 2025.

Majlis penyerahan surat pelantikan rasmi telah berlangsung pada 2 Mei 2025 (Jumaat) di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, disempurnakan oleh YB Dato' Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Susulan pelantikan tersebut, satu Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan turut diadakan pada 5 Mei 2025, di hadapan YBrs. Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS. Majlis tersebut turut disaksikan oleh ketua-ketua WHIP Ahli Majlis serta pengarah-pengarah jabatan MPS.

Tuan Haji Az'har bin Samsuri yang berumur 57 tahun sebelum ini merupakan Pengarah Jabatan Perbendaharaan merangkap Penolong Setiausaha di MPS. Beliau yang berkelulusan Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Utara Malaysia telah menyertai perkhidmatan awam sejak tahun 1992 dan memulakan perkhidmatan sebagai Pengarah Perbendaharaan di Jabatan Perbendaharaan MPS.

Seluruh warga MPS merakamkan ucapan tahniah dan selamat bertugas kepada Tuan Haji Az'har bin Samsuri. Diharapkan dengan pengalaman luas serta kepakaran yang dimiliki, beliau dapat membantu MPS untuk terus unggul sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan (PBT) yang cemerlang di Negeri Selangor.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh :

Bahagian Perhubungan Awam
Jabatan Korporat

b.p. **Yang Dipertua**
Majlis Perbandaran Selayang

Tarikh dikeluarkan : 5 Mei 2025